

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

www.bharian.com.my

**PELAJAR
OKU 11A
KE MENARA
GADING**

NASIONAL 4

Muhammad Hadi Darus, 19, mengis borang dengan menggunakan jari kaki ketika mendaftar sebagai pelajar Syariah dan Undang-Undang di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan.

Berkerusi roda tak halang capai kejayaan

» Pelajar cemerlang OKU, penerima Anugerah Maulidur Rasul daftar di USIM

Oleh Muhammad Faiz Baharin
bhnews@bh.com.my

Bandar Baru Nilai

"Saya hanya boleh menulis dan menaip guna kaki kiri, juga terpaksa bergantung kepada kerusi roda untuk bergerak. Namun, kekurangan itu bukan penghalang untuk capai kejayaan daripada terus mengharapkan belas kasihan orang lain," kata Muhammad Hadi Darus, 19.

Pemuda dari Pendang, Kedah

ini menjadi tumpuan ketika mendaftar sebagai pelajar baharu di kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, semalam kerana penampilannya tanpa kedua-dua tangan dan kaki pula bengkok.

Dia bukan calang-calang orang kurang upaya (OKU) kerana berjaya mendapat 11A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2013, selain menerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan pada tahun sebelumnya kerana kecemerlangan akademiknya.

Anak kedua daripada lima beradik ini yang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang selama lima tahun adalah antara 2,327 pelajar baharu sesi akademik 2015/2016 yang mendaftar di USIM, semalam.

"Hanya kejayaan boleh membuka mata masyarakat terhadap kebolehan OKU seperti saya. Saya perlu mempunyai jiwa besar dengan prinsip bahawa kekuatan



Muhammad Hadi dibantu petugas ketika pendaftaran sesi akademik 2015/2016 di USIM, Nilai, semalam.

[FOTO IQMAL HAQIM ROSMAN/BH]

bukan terletak pada kemampuan fizikal, tetapi kebolehan akal dan fikiran," katanya yang bercita-cita menjadi pensyarah.

Belajar bersungguh-sungguh Sementara itu, Elmarissa Mesran, 19, dari Klang, Selangor, yang melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains, Teknologi, Kimia dan Industri, berazam belajar bersungguh-sungguh untuk membebaskan keluarganya daripada belunggu kemiskinan.

"Saya mahu balas jasa ibu dan bapa yang banyak berkorban untuk saya mendapat pelajaran sempurna. Ketika di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SM-

KA) Kuala Selangor, ayah terpaksa pinjam duit untuk bayar yuran sekolah kerana dia tiada kerja selepas kilang tempatnya mencari rezeki musnah terbakar," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar Kanan dan Ketua Bahagian Pengurusan Akademik USIM, Hammad Farhi Mohd Saudi, berkata 12 pelajar antarabangsa dari Sudan, Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand dan Yaman, adalah antara pelajar baharu yang mendaftar.

"Selesai mendaftar untuk fakulti, mereka akan mendaftar pula di kolej kediaman sebelum mengikuti Hari Taaruf Sarjana Muda atau sesi suai kenal.

"Antara pengisian sesi itu nanti ialah taklimat mengenai koku-rikulum, kemahiran insaniah serta pengurusan kewangan dan diakhiri majlis amanat serta lafaz ikrar yang akan turut dihadiri Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan pada Jumaat ini," katanya.

Untuk komen, hantar e-mel menerusi bhnews@bh.com.my atau di laman Facebook [BH Online](#)